
PM tentukan bantuan sesuai untuk Indonesia

BH - 8 MAR 2000

KLJALA LUMPUR, Selasa – Lawatan rasmi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Indonesia mulai Khamis ini, antara lain bertujuan mengenal pasti bantuan yang boleh diberi bagi membantu memulihkan ekonomi negara itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Perdana Menteri juga akan memberi penekanan terhadap pembentukan kerjasama melalui perkongsian bijak pihak swasta dan usahawan kedua-dua negara.

Syed Hamid berkata, Dr Mahathir akan menyaksikan majlis menandatangani mem-

orandum persefahaman (MoU) antara tiga syarikat tempatan dengan syarikat di Indonesia.

Sebuah syarikat Malaysia dikenali sebagai Tobox, anak syarikat Tipco, menandatangani MoU dengan Wira Buano bagi kerjasama cari gali petroleum dan gas; Three Intity Sdn Bhd dan PT Asra Graphia pula membangunkan sistem e-procurement di Indonesia dan First Perpec Prime dan empat syarikat konsortium Indonesia yang membabitkan pembinaan jalan di Jakarta.

Sefain Syed Hamid, lawatan dua hari itu

turut disertai Menteri Kewangan, Tun Daim Zainudin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Lim Keng Yeik serta lebih 150 delegasi termasuk usahawan, Ahli Parlimen, pegawai tinggi kerajaan dan ketua pertubuhan belia.

Syed Hamid berkata, usahawan tempatan akan berpeluang mengadakan hubungan perdagangan dengan mencari dan meninjau peluang pelaburan di negara itu.

“Kita yakin dan percaya dalam pertemuan

ini yang membabitkan pihak swasta dan kerajaan, banyak isu yang boleh membawa manfaat antara Malaysia dan Indonesia dapat dipincang dan dirumuskan,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Sempena lawatan itu, Dr Mahathir juga akan menyampaikan ucapan dalam seminar “*Membina Peluang Perdagangan di Indonesia*”, anjuran bersama Asian Strategy Leadership Institute (ASLI) dengan Kamar Dagang dan Industri Indonesia (KADIN).